

04 JUL 1996

JB WATERFRONT CITY TARIK PELABURAN BERJUMLAH RM250 JUTA

JOHOR BAHRU, 4 Julai (Bernama) -- Projek Pilecon Engineering Bhd yang berharga RM6-bilion, JB Waterfront City satu pembangunan yang besar di Selat Tebrau, telah menarik pelaburan tempatan dan asing melebihi RM250 juta.

Projek itu akan mengubah Johor Baharu yang sibuk kepada pusat kewangan yang bertaraf antarabangsa, kata Pengerusi Eksekutif Pilecon, Hong Lee Pee kepada pemberita semasa taklimat projek itu hari ini.

Jualan amat menggalakkan. Lot Satu fasa A dari tiga fasa, yang mengandungi 9.28 juta kaki persegi ruang jualan komersil dan ruang kedai runcit, telah ditempah oleh pembeli tempatan dan asing semasa pelancarannya pada 8 Jun.

Lebih separuh daripada ruang kedai runcit telah dijual sebelum pelancaran itu, kata beliau.

Projek seluas 47.2 hektar yang mengandungi 41 blok komersil, kediaman dan tiga hotel yang mempunyai lebih 1,500 bilik, lima menara pejabat setinggi 30 hingga 40 tingkat dan 5,000 tempat duduk pusat konvensyen. Tempoh pembangunan adalah antara 15 hingga 20 tahun.

Hong menyatakan pusat konvensyen itu akan mempunyai "atap terbang" sebagai satu mercu tanda bagi Johor Baharu dan sebuah perkampungan budaya yang akan dikenali sebagai "Malaysiana."

Projek itu sedang dibangunkan oleh Johor Coastal Development (JCD) Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Pilecon Engineering.

Ia akan dilancarkan esok oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memulakan kerja-kerja cerucuk untuk fasa Lot Satu.

Bandar tersebut akan bercirikan "bandar pintar" dengan telekomunikasi moden dan prasarana teknologi maklumat dibekalkan oleh Telekom Malaysia. --

BERNAMA

MKO RIF/sia